

30 JUL 1996

Britain-Lalu Lintas

IDEA BRITAIN BOLEH BANTU ATASI KESESAKAN LALU LINTAS

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Pengalaman Britain mengatasi kesesakan lalu lintas di bandar-bandar besar boleh membantu menyelesaikan masalah itu di Kuala Lumpur, kata Setiausaha Negara Pengangkutan Britain Sir George Young, hari ini.

Sir George, yang dalam lawatan tiga hari ke negara ini, mewakili Perdana Menteri Britain John Major di Dialong Antarabangsa Langkawi kedua semalam.

Beliau berkata kesesakan lalu lintas di Britain dan di Malaysia merupakan satu daripada tajuk utama yang dibincangkan semasa pertemuannya dengan Menteri Pengangkutan Datuk Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Adalah menggembirakan untuk bertukar-tukar pengalaman dan melihat bentuk penyelesaian yang dibuat di sini," katanya pada persidangan berita di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Britain, di sini.

Sir George, yang dalam lawatan pertamanya ke negara ini, berkata terdapat penyelesaian kesesakan lalu lintas yang dilaksanakan di London yang boleh digunakan di beberapa negeri utama di Malaysia.

"Contohnya, kami mempunyai rangkaian perkhidmatan bas yang maju di bandar-bandar besar," katanya sambil menambah dasar-dasar berkaitan meletak kereta juga boleh digunakan sebagai pendekatan strategik dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandar berkenaan.

Sistem pengurusan trafik maju di Britain juga boleh dilaksanakan di negara ini, katanya.

Sir George telah mencadangkan kepada satu daripada syarikat Britain di negara ini supaya membincangkan dengan pegawai-pegawai berkenaan mengenai kemungkinan melaksanakan sesetengah sistem itu di sini.

United Kingdom juga berminat dengan pembangunan Kereta Api Asia Merentasi Eropah yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

Britain mempunyai kelebihan dalam teknologi dan penyelenggaraan landasan kereta api, yang penting bagi projek Kereta api Merentasi Asia, kata Sir George, yang akan berlepas ke Manila esok. -- BERNAMA

NI NAK